

Ahmad Husni mengaku GST beri kesan inflasi
Malaysian Insider
June 19, 2014
Oleh Md Izwan

Menteri Kewangan II Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah tidak menolak Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) akan memberi kesan inflasi yang besar, tetapi berkata ia hanya untuk sementara waktu.

Ahmad Husni berkata, kesan kepada inflasi akan reda apabila keadaan ekonomi seimbang.

"Ya, pengenalan GST akan memberi kesan kepada inflasi, dijangkakan sekitar 1.8%.

"Namun, kesan ini hanya sementara kerana ia akan reda apabila ekonomi menyesuaikan diri dengan keseimbangan baru," katanya ketika berucap di Persidangan Perbankan Malaysia ke-18 di Kuala Lumpur, pagi ini.

Beliau berkata, kerajaan menyedari beban yang akan ditanggung rakyat, oleh itu kerajaan sedang meneliti pengecualian cukai ke atas beberapa barangan dan perkhidmatan untuk membantu rakyat.

"Kerajaan prihatin dengan trend peningkatan kos sara hidup.

"Menyedari fenomena itu, kerajaan akan mengecualikan cukai barangan dan keperluan yang mana peratusan besarnya digunakan oleh kumpulan berpendapatan rendah," katanya.

Katanya, Putrajaya di peringkat akhir dalam menyenaraikan pengecualian barangan dan perkhidmatan.

Sementara itu, katanya, peningkatan kos sara hidup tidak dapat dielakkan memandangkan perubahan iklim ekonomi dunia khususnya makanan dan minyak.

"Perubahan iklim akan memberi kesan kepada pengeluaran makanan.

"Kos minyak menjadi kebimbangan, tidak ada kepastian harga yang kita lihat hari ini akan kekal pada masa depan dan komoditi yang semakin berkurang ini akan menyebabkan ia akan sentiasa naik," katanya.

Kerajaan akan memperkenalkan GST dengan kadar 6% bermula 1 April 2015 bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang kini dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan tertentu.

GST yang mula dibincangkan sejak 2005 mencetuskan kontroversi sejak awal lagi.

Kerajaan dan pakar ekonomi berkata, cukai itu berkesan dan satu mekanisme penting untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

Pakatan Rakyat (PR) bagaimanapun bimbang kebimbangan umum terhadap cukai baru itu dengan menggelarkannya sebagai "regresif" dan beban kepada golongan miskin.

Kerajaan sebaliknya menegaskan cukai itu bersifat progresif.

Pada 1 Mei lalu, tunjuk perasaan anti GST yang diadakan di Kuala Lumpur disertai puluhan ribuan rakyat. – 19 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahmad-husni-mengaku-gst-beri-kesan-inflasi>